

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Sekolah Sains Sosial

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

**" PENGURUSAN
PERSETINGGANAN DI KOTA
KINABALU "**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Oleh:

**Ketua Penyelidik
ALIAKBAR GULASAN**

**Penyelidik Lain
MUSTAPA ABD. TALIP
MOHAMAD TAHIR MAPA**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

SINOPSIS

Perkembangan sesebuah bandar khususnya dari segi ekonomi akan membawa kepada satu fenomena penting dalam kajian petempatan iaitu persetinggaran. Permasalahan ini juga tidak terkecuali di Kota Kinabalu, Sabah. Kota Kinabalu yang menjadi ibu negeri Sabah dan sekaligus menjadi tumpuan utama ekonomi dan pentadbiran juga memberi kesan kepada keperluan petempatan. Peluang pekerjaan dan tumpuan ke bandar utama ini menjadi galakan kepada kewujudan pusat-pusat petempatan yang tidak sah dari segi undang-undang. Pada tahun 1999 terdapat 29 buah kampung setingan di Kota Kinabalu berbanding 27 pada tahun 1997. Daripada data yang diperolehi, didapati Kota Kinabalu mempunyai lebih ramai setingan tempatan berbanding setingan asing. Faktor penyebab kepada fenomena ini mungkin ada pelbagai, antaranya kurang sekatan kemasukan pendatang luar, majikan yang tidak menyediakan rumah kepada pekerjaannya dan campurtangan politik.

BAB II

PENDAHULUAN

- (i) Menurut Johnstone(1976), petempatan setingan di Asia Tenggara mempunyai banyak persamaan. Petempatan ini biasanya mempunyai gunatanah yang bersifat marginal, terbiar dengan keadaan separuh usang dan perumahan yang dibina menggunakan bahan-bahan yang murah serta bersifat sementara. Keadaan perumahan yang dibina seolah-olahnya kurang menerima kesan pembangunan daripada pemerintah. Permasalahan berkaitan bandar ini telah dibuat beberapa kajian mengenainya sebelum ini. Abdul Samad

